

Terma dan Syarat Kempen 'Trip Paling Win'

1. **Kempen 'Trip Paling Win'** ("Kempen") dianjurkan oleh Etiqa General Insurance Berhad dan Etiqa General Takaful Berhad ("Syarikat") akan tertakluk pada Terma dan Syarat yang dinyatakan di sini.
2. Dengan mengambil bahagian dalam Kempen ini, Peserta:
 - bersetuju untuk terikat dengan Terma dan Syarat yang dinyatakan di sini;
 - bersetuju bahawa setiap rekod transaksi yang direkodkan dalam sistem Etiqa sepanjang Tempoh Kempen ini berdasarkan tarikh dan masa tempatan adalah tepat dan muktamad;
 - bersetuju bahawa setiap dan semua keputusan yang dibuat oleh Penganjur berhubung dengan Kempen ini adalah muktamad. Sebarang rayuan atau surat-menyurat tidak akan dilayan;
 - bersetuju untuk membenarkan data peribadi mereka didedahkan kepada pihak-pihak yang dibenarkan termasuk vendor, pembekal, agensi pengiklanan dan promosi yang diupah oleh Etiqa untuk tujuan perhubungan semasa dan selepas Kempen;
 - bersetuju untuk membenarkan Etiqa untuk menyiarkan nama mereka, gambar yang diambil, atau maklumat yang diberikan untuk tujuan pengiklanan dan publisiti, semasa dan pada masa hadapan, dalam sebarang bahan iklan atau publisiti yang berkaitan dengan Kempen ini tanpa sebarang pampasan;
 - tidak berhak untuk menuntut dan melepaskan sebarang hak kepada sebarang pampasan daripada Etiqa, termasuk pegawai, pekerja, wakil, dan/atau ejennya (termasuk, tanpa sebarang limitasi, pembekal perkhidmatan pihak ketiga yang diupah oleh Etiqa untuk tujuan Kempen ini) untuk sebarang dan semua kerugian dan kerosakan yang timbul daripada atau berkaitan dengan penyertaan mereka dalam Kempen ini, sama ada liabiliti tersebut berlaku berpunca secara langsung atau tidak langsung daripada pengubahan, pembatalan, atau penangguhan Kempen ini.
 - tidak akan mempertikaikan atau membuat aduan, pengumuman, atau pernyataan umum mengenai perkara yang sama, sama ada dalam bentuk lisan atau bertulis, semasa atau selepas Tempoh Kempen.
3. Kempen ini akan bermula pada **1 November 2025 pada 00:00 AM MYT** dan berakhir pada **31 Disember 2025 pada 11:59 PM MYT** ("Tempoh Kempen"). Penyertaan yang diterima di luar Tempoh Kempen akan dibatalkan dan dianggap tidak layak untuk dipertimbangkan.
4. Kelayakan ("Pelanggan/Peserta Yang Layak"):

Kelayakan
1. Pelanggan/Peserta yang layak mestilah mempunyai salah satu daripada pelan berikut ("Produk Layak") semasa cabutan hadiah: ○ Pelan Insurans TripCare 360; atau ○ Pelan Takaful TripCare 360 2. Warganegara Malaysia yang menetap di Malaysia dan berumur 18 tahun ke atas; 3. Menyediakan maklumat hubungan yang sah termasuk alamat, alamat e-mel dan nombor telefon (maklumat hubungan yang tidak lengkap akan menyebabkan penyingkiran daripada kelayakan hadiah);

4. Bukan ahli komuniti penganjur, panel juri, atau ahli keluarga terdekat mereka.
 * Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah produk yang layak adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi Etiqa atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).
 Ahli PIDM

5. Mekanik Kempen:

- Setiap Pelanggan/Peserta layak yang mendaftar atau memperbaharui mana-mana Produk Layak sepanjang Tempoh Kempen akan layak secara automatik untuk cabutan bertuah, dengan bilangan penyertaan seperti yang dinyatakan dalam jadual di bawah.
- Bilangan penyertaan cabutan bertuah yang diberikan adalah berdasarkan kepada Tahap kempen ("Tahap") seperti yang dinyatakan di bawah. Pada akhir Tempoh Kempen, seramai empat puluh tujuh (47) pemenang ("Pemenang") akan dipilih.

Tahap	Bilangan Penyertaan	Hadiah-hadiah
Tahap 1: Daftar pelan TripCare 360 Insurans atau Takaful dengan Pelan Perak	1 penyertaan	• DJI Osmo Pocket 3 (bernilai RM2,999 seunit) x 11 unit • Apple AirPods 4 (bernilai RM599 seunit) x 36 unit
Tahap 2: Daftar pelan TripCare 360 Insurans atau Takaful dengan Pelan Emas	2 penyertaan	
Tahap 3: Daftar pelan TripCare 360 Insurans atau Takaful dengan Pelan Platinum	5 penyertaan	

6. Hadiah-hadiah:

- Pemenang akan dipilih melalui system *randomizer* dengan kehadiran saksi untuk memerhati dan mengesahkan keadilan serta ketelusan cabutan. Saksi akan mengesahkan bahawa proses pemilihan telah dijalankan mengikut peraturan dan syarat Kempen.
- Jika berkenaan, semua Polisi/Sijil mestilah masih berkuat kuasa pada masa pemenang Hadiah diumumkan dan Pelanggan/Peserta Layak yang membatalkan atau menyerahkan polisi mereka sebelum pengumuman tersebut tidak lagi layak untuk Hadiah.
- Setiap Pelanggan/Peserta Layak hanya boleh memenangi satu (1) hadiah SAHAJA di bawah Kempen ini.
- Pemenang akan dimaklumkan secara rasmi oleh Etiqa melalui e-mel atau panggilan telefon menggunakan maklumat hubungan yang diberikan semasa penyertaan.
- E-mel pemberitahuan tersebut akan mengandungi surat rasmi pemenang ("Surat Pemenang").
- Etiqa berhak untuk menukar atau menggantikan Hadiah dengan item lain yang bernilai setara atau hampir sama tanpa notis terlebih dahulu.

- Hadiah yang diberikan tidak bertujuan untuk mengubah terma dan syarat polisi/sijil yang dikeluarkan, yang tertakluk kepada peraturan pemprosesan dan pengunderaitan standard Syarikat. Etiqa tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kerugian, kerosakan atau perbelanjaan yang timbul daripada atau berkaitan dengan kempen ini.
- Hadiah tidak boleh dipindah milik, tidak boleh ditukar, tidak boleh ditebus dengan wang tunai, sama ada sebahagian atau sepenuhnya dan tertakluk kepada Terma & Syarat yang dinyatakan di sini. Sebarang permintaan untuk menukar Hadiah atau mana-mana bahagiannya, penampilan atau aksesori tidak akan dilayan.
- Sejauh mana yang dibenarkan oleh undang-undang, Etiqa dengan ini dikecualikan dan menafikan sebarang perwakilan, jaminan atau sokongan, sama ada tersurat atau tersirat, bertulis atau lisan, termasuk tetapi tidak terhad kepada sebarang jaminan berkaitan kualiti, kebolehdagangan atau kesesuaian untuk tujuan tertentu berkenaan Hadiah.

7. Penebusan Hadiah:

- Pemenang adalah bertanggungjawab terhadap sebarang cukai yang perlu dibayar hasil daripada penerimaan Hadiah (jika berkenaan).
- Hadiah hanya akan dihantar kepada setiap Pemenang sekali sahaja. Kegagalan untuk menerima atau mengambil penghantaran tidak akan diganti, dan sebarang permintaan untuk menuntut hadiah tidak akan dilayan.
- Penganjur berhak untuk menggantikan Hadiah dengan item lain yang bernilai setara tanpa sebarang notis terdahulu. Semua hadiah tidak boleh dipindah milik, tidak boleh dikembalikan dan/atau ditukar dengan wang tunai, kredit atau barangan lain, dan akan diberikan dalam keadaan "seadanya".
- Sejauh mana yang dibenarkan oleh undang-undang, Etiqa dengan jelas mengecualikan dan menafikan sebarang pernyataan, jaminan atau pengendorsan, sama ada secara nyata atau tersirat, bertulis atau lisan, termasuk tetapi tidak terhad kepada sebarang jaminan kualiti, kebolehdagangan atau kesesuaian untuk tujuan tertentu berkenaan dengan hadiah-hadiah tersebut.
- Pengumuman Pemenang (contohnya nama dan nombor MyKad yang dipaparkan sebahagiannya) juga akan dibuat di media sosial Etiqa.

Notis Privasi Etiqa

8. Dengan menyertai Kempen ini, Pelanggan/Peserta bersetuju untuk membenarkan data peribadi mereka dikumpulkan, diproses dan digunakan oleh Penganjur selaras dengan Notis Privasi Etiqa yang dapat dilihat di www.etiqa.com.my ("Notis Privasi Etiqa").
9. Di samping itu, dan tanpa menjejaskan syarat-syarat di dalam Notis Privasi Etiqa, dan tertakluk pada arahan bertulis daripada Peserta untuk merahsiakan (jika berkenaan) butirannya daripada digunakan untuk tujuan aktiviti pemasaran, Pelanggan/Peserta bersetuju data atau maklumat peribadi mereka dikumpulkan, diproses dan digunakan oleh Penganjur untuk:
 - (a) tujuan-tujuan Kempen ini;
 - (b) aktiviti pemasaran dan promosi dilakukan dengan cara yang difikirkan sesuai oleh Penganjur di mana-mana media termasuk tetapi tidak terhad kepada sebarang bentuk media iklan atau publisiti atau bahan seperti rakaman audio dan/atau visual yang disiarkan melalui surat khabar, rangkaian televisyen, stesen radio atau dalam talian dan media digital dan di Internet,

tanpa persetujuan lanjut daripada Peserta. Aktiviti pemasaran dan promosi termasuk tanpa batasan bagi penggunaan dan/atau berkaitan dengan entri, bahan wawancara serta respons dan gambar-gambar yang berkaitan. Sehubungan dengan itu, setiap Peserta bersetuju untuk bekerjasama dan menyertai tanpa persetujuan dan/atau pertimbangan lebih lanjut, dalam semua aktiviti pengiklanan dan publisiti Penganjur yang munasabah yang berkaitan dengan Kempen ini.

10. Etiqa berhak untuk:

(a) menarik, membatalkan, menangguhkan, memanjangkan atau menghentikan Kempen lebih awal secara keseluruhan atau secara sebahagian sebagaimana yang difikirkan sesuai oleh Syarikat. Syarikat juga berhak untuk meminda, menambah, memadam, mengubah atau mengubah suai mana-mana Terma dan Syarat ini dari semasa ke semasa dengan memberikan notis awal dalam tempoh yang dianggap munasabah dan notis tersebut akan diposkan di www.etiqa.com.my atau melalui saluran lain yang difikirkan sesuai oleh Syarikat dan oleh itu, butiran-butiran yang dipinda tersebut akan dianggap berkuat kuasa dan akan dibaca oleh setiap Pelanggan/Peserta Layak dan ditafsirkan seolah-olah butiran yang telah dipinda tersebut telah dimasukkan ke dalam dan menjadi sebahagian daripada Terma dan Syarat.

11. Etiqa, termasuk pegawai, pekerja, wakil, dan/atau ejennya (termasuk, tanpa sebarang had, pembekal perkhidmatan pihak ketiga yang diupah oleh Etiqa untuk tujuan Kempen ini) tidak akan bertanggungjawab atas sebarang kerugian atau kerosakan atau sebarang bentuk liabiliti yang ditanggung oleh setiap Pelanggan/Peserta Layak yang dihasilkan secara langsung atau tidak langsung daripada penyertaan dalam Kempen ini atau sebaliknya. Sebagai tambahan, Penganjur tidak akan bertanggungjawab atas pelanggaran kewajibannya di bawah Kempen ini yang disebabkan oleh sebarang peristiwa *force majeure*, termasuk tetapi tidak terhad kepada tindakan Tuhan, perang, rusuhan, sekatan, tindakan industri, kebakaran, banjir, kemarau, ribut, pandemik atau sebarang kejadian di luar kawalan yang wajar oleh Penganjur.

12. Terma dan Syarat ini tertakluk di bawah dan ditafsirkan sesuai dengan Undang-undang Malaysia dan Setiap Pelanggan/Peserta Layak bersetuju untuk patuh kepada bidang kuasa eksklusif Mahkamah di Malaysia.

13. Etiqa berhak untuk menolak/membatalkan mana-mana Pelanggan Layak yang tidak mematuhi Terma dan Syarat yang dinyatakan di sini dan/atau didapati atau disyaki cuba memanipulasi Kempen dan/atau proses atau operasi Kempen ini, termasuk sebarang aktiviti penipuan yang melibatkan sebarang perbuatan menipu dan/atau memperdaya dan/atau menyeleweng berkaitan dengan Kempen.

14. Untuk maklumat, pertanyaan, maklum balas dan/atau aduan berkaitan dengan Kempen ini, sila hubungi Khidmat Pelanggan Etiqa di 1300 13 8888. Sebagai alternatif, untuk maklum balas dan/atau aduan, Pelanggan Layak boleh memilih untuk menghantar e-mel kepada Etiqa di info@etiqa.com.my.